

03/09/1999

Kawalan modal boleh dicontohi

PENASIHAT khas kepada Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara yang lebih dikenali dengan nama jolokan 'Mr Yen' berkata kawalan modal yang diperkenalkan Malaysia adalah berguna untuk menangani krisis kewangan.

Katanya, ia harus dianggap sebagai pilihan terbaik yang boleh dicontohi oleh pihak berkuasa lain di rantau ini.

"Kawalan modal secara berpilih Malaysia amat berguna dalam menangani krisis kewangan kerana negara ini mempunyai lebihan dagangan dan kecekapan bank pusatnya untuk mengawal selia urusan niaga.

"Oleh itu, dasar ini boleh dianggap sebagai dasar pilihan untuk ekonomi baru muncul dalam menghadapi ketidakpastian pasaran," katanya ketika sesi dialog selepas berucap mengenai Cabaran Baru Kapitalis Siber di satu simposium di Kuala Lumpur, semalam.

Sakakibara yang diundang khas ke ibu negara untuk menyampaikan ceramah di Simposium Antarabangsa mengenai Kawalan Modal dan Kerjasama Kewangan Asia itu juga sependapat dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kegiatan spekulator mata wang perlu dikawal selia.

Katanya, kegiatan urusan niaga mata wang perlu didisiplinkan kerana banyak memberi kesan buruk.

"Peraturan antarabangsa perlu dikenakan terhadap pedagang mata wang. Prasarana dalam persekitaran perdagangan mata wang harus diwujudkan. Kita mahu peraturan antarabangsa yang sesuai dan perdagangan mata wang yang lebih teratur. Perdagangan mata wang tidak memberi manfaat," katanya.

Mengimbas kembali ketika beliau melawat spekulator mata wang George Soros pada Oktober 1998, Sakakibara berkata Soros berada dalam keadaan yang tidak bersemangat.

"Dia seolah-olah terbabat dalam tragedi Greek. Kita tahu bagaimana kisahnya, tetapi tidak ada siapa yang boleh mengelaknya," katanya.

Katanya, beliau tidak pasti sama ada situasi itu adalah serupa dengan tragedi Greek tetapi beliau mempunyai tanggapan bahawa ekonomi global sedang mengharungi keadaan yang genting.

"Kita bertuah kerana berjaya mengelak daripada kemelesetan global menerusi berbagai tindakan politik yang diselaraskan di kalangan negara-negara G-7 dan bukan G-7.

"Kita telah mengatasi krisis terdekat tetapi asas penyebab masalah ini masih ada, iaitu ketidakstabilan kapitalis siber dan gegaran serius yang dikaitkan dengan perubahan."

Beliau juga berkata revolusi telekomunikasi dan maklumat terbukti tidak boleh berpatah-balik.

Katanya, kembali kepada rejim kadar tukaran tetap tanpa modal bergerak yang tinggi tidak mungkin dilakukan.

"Sama ada kita suka atau tidak, kita terpaksa menghadapi dunia baru yang dipandu oleh maklumat tepat masa yang dihantar ke seluruh dunia menyeberangi sempadan-sempadan negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Sakakibara berkata, Bank of Japan (BOJ) akan sekali lagi campur tangan untuk mengekalkan yen pada tahap yang mencerminkan kukuhannya asas ekonomi Jepun.

Katanya, yen kini berada pada paras yang agak tinggi dan perlu diturunkan ke tahap yang lebih munasabah tetapi bukan kepada tahap rendah 120/130 berbanding dolar Amerika.

(END)